

SEBAB-SEBABNYA MEMPERINGATI MAWLID NABI

“*Kullu mā lam yakun fī ‘ahdi Rasūl Allāh ṣallā Allāh ‘alayhi wa sallam dīnā la yakūn ba ‘dihī dīnā fainnā Allāh Ta ‘ālā akmala lanā al-Dīn banṣ kitābihi qabla inna yaqbiḍuh ilayhi*”

-Imam dar al-Jahrah Mālik Ibn Annas

“Tiap-tiap yang tidak menjadi agama dalam zaman Nabi (SAW), tidak akan menjadi agama sesudahnya, kerana Allah Ta‘ālā telah sempurnakan agama bagi kita dengan keterangan kitabnya sebelum ia wafatkan Nabi kembali kepadanya”.

(oleh Muhammad ‘Alī al-Ḥamīdī)

Agama Islam setelah Nabi wafat meninggal dunia, sesungguhnya telah sempurna, tidak kurang dan tidak lebih, tidak berhasrat kepada tambahan dan pengurangan, dan tidak perlu kepada perubahan yang demikian ini, sangat tegas diterangkan Allah Subhānahu wa Ta‘ālā di dalam kitab suci al-Quran, Firman-Nya:

Alyawm akmaltu lakum dīnakum wa atmamtu ālaykum ni ‘matī wa raḍyat lakum al-Islām dīnā-3, al-Mā’idah

“Hari ini kami telah sempurnakan agama bagimu. kami telah cukupi nikmatku atas mu, dan kami redhai Islam itu menjadi agama bagimu.”

Waktu turun ayat al-Quran yang di atas ini, seorang Yahudi berkata kepada seorang sahabat Nabi, ujarnya: “Sekiranya ayat itu turun kepada kami bangsa Yahudi, nescaya hari turunnya itu kami jadika nhari besar.”

Ucapan orang Yahudi tadi menunjukkan pentingnya maksud tujuan ayat itu bagi kaum muslimin. Kepentingan itu dapat dirasai oleh orang-orang yang mengerti maksud tujuannya.


Bagaimanakah maksud ayat itu?

Iaitu agama Islam ialah agama yang diredhai Allah, menjadi satu nikmat yang besar bagi kaum Muslimin, dan isinya lengkap sempurna. Tidak perlu kepada perubahan dan perbaikan.

Yang menerangkan demikian ini, bukan Nabi, tetapi Allah Subhānahu wa Ta‘ālā sendiri, pencipta agama Islam itu.

Agama Yang Diredhai

Melihat maksud ayat tadi, memperhatikan pula maksud perkataan Imam Mālik Ibn Annas (RA), yang kami jadikan tajuk karangan ini, dapatlah kita mengambil kesimpulan bahawa tidak akan menjadi agama pada masa kita sekarang ini dan seterusnya, apa-apa yang tidak menjadi agama dalam zaman Nabi (SAW). Yakni agama yang tidak diakui oleh Tuhan ialah agama yang ada pada zaman Nabi SAW. Agama yang ada sekarang ini dan seterusnya mestilah agama yang seperti berada dalam zaman Nabi. Yang tidak ada di dalam zaman Nabi tidak boleh ada dalam zaman sekarang dan seterusnya walaupun manusia sedunia yang membuatnya. Manusia boleh



Tuan Khatib sedang membaca Khutbah di salah sebuah masjid di Amerika, menghuraikan bahawa Islam dengan deras tersiar di Timur dan di Barat kerana bersesuaian dengan tabiat manusia yang semulajadi dan itulah juga hasil perjuangan Muhammad Rasulullah (SAW)

Membuat cara-carakemudian dinamakan agama tetapi agama yang demikian itu tidak akan diterima oleh Allah Subhānahu wa Ta'ālā Sebagai agama yangdiredhainya. Dan apabila Allah Subhānahu wa Ta'ālā tidakmengakuinya,siapakah lagi yang sanggup memberikan pahalanya? Kerana syurga dan neraka berada di tangannya.

Keterangan-keterangansaya di atas ini, adalah sebagai pendahuluan bagi menghuraikan duduknya perkara peringatan Mawlid Nabi (SAW) dan sebab-sebab diperingati.

Memperingati Mawlid Nabi

Di dalam Al-Quran tidak ada satu ayat pun yang menerangkan tentang peringatan Mawlid Nabi. Dan di dalam hadis-hadis yang sah datangnya dari Nabi,tidak ada juga tentang peringatan

Mawlid itu.Demikian juga tidak pernah hal itu dikerjakan orang dalam zaman Nabi. Tidak pula ada satu pun keterangan yang sah dikerjakan hal itu oleh sahabat-sahabat Nabi. Bahkan imam-imam yang empat yang menjadi ikutan umat (Abū Ḥanīfah, Mālik, Shāfi'ī dan Aḥmad Ibn Ḥanbal) terhadap Mawlid Nabi,tidak pernah disentuh dan disinggung oleh mereka.

Dari keterangan-keterangan tadi nyatalah bahawa peringatan Mawlid Nabi itu bukan dari suruhan agama,maka dengan sendirinya tidak akan ada pahala kalau dikerjakan.

Mungkin akan timbul pertanyaan: bukankah menghormati Nabi itu diperintah? sedang memperingati Mawlid Nabi bukankah

-sambungan pada muka 3